


Azlan Dulikab pelukis muda yang menggugat




CATATAN KANVAS KOYAK

DR BAHARUDDIN MOHD ARUS

UB 7.10.2014 B 1

PERJALANAN kreatif seorang seniman tidak sentiasa lancar malah biasanya melalui lorong-lorong yang berliku dan penuh ranjau. Begitu juga kematangan minda seniman kebanyakannya memakan masa yang agak lama untuk menjadikan mereka lebih prihatin terhadap persekitaran mereka.

Azlan Dulikab anak kelahiran Telipok, Tuaran, pada mulanya memang minat melukis dan membuat gambar namun apabila di sekolah guru mata pelajaran lukisan tidak menarik minat



KARYA aliran Naif Gunung Kinabalu.

beliau sehinggakan beliau hilang fokus dan tidak meneruskan minat dalam seni lukis.

Namun dengan sokongan ibu bapa dan bantuan dana keluarga, Azlan telah mendaftar dan meneruskan belajar seni di

Kolej Kinabalu pada tahun 1997 dalam jurusan seni grafik kerana bidang ini dijangkakan oleh keluarga menjana mata pencarian berbanding seorang pelukis seni murni atau seni visual.

Belajar di Kolej Kinabalu, minat seni lukis beliau kembali pulih dan bertenaga selepas terkubur selama beberapa tahun. Setelah memperoleh kelulusan Diploma Seni Grafik di institusi tersebut beliau akhirnya bekerja di sebuah syarikat yang bukan bidang seni.

Disebabkan tidak mendapat kepuasan yang dicari dalam bidang itu, Azlan akhirnya meninggalkan pekerjaan tetap dan terjamin kerana jiwa seni yang kekosongan meronta meronta minta dipenuhi. Pemuda dari Telipok ini kemudian memilih untuk bekerja di Galeri Mayuri House of Art bertempat di Wisma Merdeka Kota Kinabalu. (kini galeri tersebut sudah tutup perniagaan)

Seperti gelombang di lautan, jiwa Azlan juga tidak merasa tenteram, maka akhirnya pemuda pendiam berjiwa kental ini terus berbalik ke pangkal jalan dan membuka sebuah galeri



POTRET TYT Negeri Sabah karya terbaru Azlan.


seni kecil dan mengambil tempahan sahabat seperti potret, landskap dan kerja grafik serta catan air.

Dalam usaha untuk memantapkan konsep serta teknik, Azlan juga meneroka beberapa gaya yang sering menyanggah minda memandangkan gaya tersebut ada keberkaitan dengan seni kontemporari.

Beliau berkenalan dan mencari guru secara informal untuk mendalami gaya dan teknik, oleh sebab itu beliau berguru dengan Jainal Amambing pelukis naif negeri Sabah. Karya serta nasihat Zainal Amambing sebenarnya telah mendorong Azlan melukis gaya *Naive* di mana beliau belajar melalui kaedah pemerhatian, pembacaan dan praktis.

Sebagai seorang pelukis yang mendapat pendidikan formal, Azlan mempunyai idola pelukis antarabangsa. Oleh sebab minat kepada warna keceriaan dan pecahan warna di atas kanvas yang kaya, beliau sangat minat kepada karya Claude Monet, Manet dan Renoir pendukung aliran Pasca - Impresionis Eropah popular pada kurun ke-18.

Azlan lebih banyak banyak melukis potret dan selain dari pelukis Muslim Matajin, pelukis muda tempatan yang mahir selok belok lukisan potret adalah beliau sendiri. Sebagai anak watan negeri di bawah bayu, beliau sering merujuk kepada keindahan lokal dan juga budaya tempatan di dalam mengolah



AZLAN Dulikab, pelukis muda yang berbakat.

karya umpamanya budaya etnik, khazanah semula jadi seperti Gunung Kinabalu, Rafflesia dan Bobohizan menjadi pilihan kesukaannya.

Oleh kerana keunikan serta identiti Azlan dalam menghasilkan karya *naive*, beliau sering dikejar peminat terutama sekali peminat yang ingin memiliki karya naif yang unik dan mempunyai kelainan sebagai contoh karya Gunung Kinabalu yang memukau.

Garis yang berbagai-bagai saiz serta warna yang dicampur dengan matang membuat karya beliau sangat bertenaga dan dinamik. Walaupun ramai di antara pelukis sebaya beliau yang pandai membuat figura manusia dan potret namun beliau juga menjadi pilihan utama kolektor.

Sebaran melalui oral dan bisikan oleh khalayak menjadikan kedudukan Azlan semakin kukuh dan lebih popular terutamanya di kalangan anak muda.

Keperibadian yang pendiam dan tidak suka bercakap banyak, terkadang beliau tidak popular dalam kalangan teman pelukis namun dalam diam beliau banyak menghasilkan karya



(Gambar kiri) KARYA pertama Azlan sebagai pelukis.

menurut Azlan, seseorang pelukis yang ingin berjaya harus berani menerokai sesuatu yang baru disamping mendalami ilmu seni melalui pendidikan formal dan mencari guru.

Tambah beliau lagi permintaan karya seni sangat menggalakkan dan pasaran seni di Sabah juga

menampakkan perubahan yang baik sejak akhir-akhir ini.

Mengambil iktibar dari pengalaman Azlan Dulikab, seorang seniman itu akan terus memberontak dan sanggup menempuh bermacam-macam dugaan hanya untuk memenuhi naluri berkarya.

Oleh sebab itu pada hari ini, Azlan sudah membuktikan dirinya mampu menjadi seorang pelukis profesional dan memiliki studio sendiri di Laman Seni di Asia City berhampiran Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah.

Seniman muda yang menggugat memancarkan suara dari karya yang dinamik dan menggoda minda masyarakat.

kepelbagaian jenis dan genre.

Sebagai pelukis yang berwibawa, beliau sentiasa dijemput untuk mempamerkan karya dan sehingga kini banyak membuat pameran di dalam dan luar negara umpamanya di Gallery Mona Tokyo Jepun, dan pernah juga melawat negara tersebut mewakili Kementerian Pelancongan Malaysia sebagai seorang kartunis.

Penulis bertemu Azlan dan berbincang berkaitan seni tempatan semasa mengambil bahagian dalam aktiviti melukis mural 'Pillars of Sabah' beberapa minggu yang lalu.

Kami berbincang berbagai-bagai topik seni tempatan antaranya

*****PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).*****



PELUKIS bersama karyanya di Pillars of Sabah 2018.